



PANDUAN PERMOHONAN PERMIT BANTUAN KHAS SARAWAKKU SAYANG (BKSS) 2020

Panduan ini adalah bagi penjaja / peniaga kecil / gerai makanan yang tidak berlesen untuk memohon permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

LANGKAH 1 : MUAT TURUN BORANG PERMOHONAN

Mulakan dengan memuat turun dan mencetak borang permohonan di laman web rasmi Majlis Perbandaran Sibu.

LANGKAH 2 : ISI BORANG PERMOHONAN

Lengkapkan borang permohonan.

LANGKAH 3 : SEMAK BORANG PERMOHONAN

Memastikan semua maklumat adalah **BENAR dan LENGKAP**. Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

LANGKAH 4 : PENGESAHAN PERAKUAN

Sila tandatangan di bahagian perakuan bagi mengesahkan semua maklumat adalah **BENAR dan LENGKAP**.

LANGKAH 5 : HANTAR BORANG PERMOHONAN

Borang permohonan yang **LENGKAP** berserta **salinan dokumen yang diperlukan** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat sebelum dimasukkan ke dalam peti yang disediakan di lobi Wisma Sanyan pada waktu bekerja sahaja (**Isnin – Jumaat**) dari jam **8.00 pagi - 5.00 petang** ATAU emelkan ke smc.gov.my.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 MEI 2020**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.

***PERINGATAN**

Dokumen yang diperlukan :

- Salinan Kad Pengenalan pemohon dan pasangan
- Gambar gerai / tempat perniagaan (jika ada)
- Gambar terkini pemohon
- Gambar lesen komposit / permit (jika ada)
- Dokumen sokongan yang lain (jika ada)
 - a) Surat pengesahan daripada pemilik premis / pemilik Kedai Kopi (untuk gerai di dalam Kedai Kopi)
 - b) Surat pengesahan daripada Ketua Masyarakat / Ketua Kampung (untuk penjaja / peniaga kecil)